

30 SEP 2000
PETROL-NAIK
HARGA PETROL NAIK 10 SEN MULAI ESOK

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Kerajaan hari ini mengumumkan kenaikan harga petrol sebanyak 10 sen seliter atau 9.1 peratus berkuatkuasa esok.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, harga diesel turut meningkat lima sen seliter manakala harga gas petroleum cecair (LPG) naik 10 sen sekilogram.

Sehubungan itu, harga runcit Petrol Ron 97 (Tanpa Plumbum) di Semenanjung Malaysia meningkat kepada 120.0 sen seliter, 118.0 sen seliter di Sabah dan 119.0 sen seliter bagi Sarawak.

Harga runcit Petrol RON 92 (Berplumbum) pula meningkat kepada 116.0 sen seliter di seluruh negara.

Bagi diesel, harga runcit meningkat kepada 70.1 sen seliter bagi Semenanjung Malaysia, 70.4 sen seliter di Sabah dan 69.8 sen seliter di Sarawak.

Mengenai harga runcit LPG, ia kini meningkat kepada 128.0 di Semenanjung Malaysia dan 136.0 sen bagi Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata bahawa kerajaan tidak mampu lagi untuk terus memberi subsidi memandangkan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa telah meningkat dengan begitu ketara.

Awal minggu ini, harga telah mencecah ke tahap tertinggi, iaitu AS\$34.15 setong (RM130.91) sejak 10 tahun lalu di pasaran London.

Kerajaan telah membelanjakan lebih daripada RM1 bilion ke atas subsidi dan sekiranya harga petrol meningkat, ia masih membabitkan subsidi kerajaan tetapi pada kadar yang dikurangkan.

Subsidi petroleum dijangka mencecah RM1.5 bilion tahun ini. Pada tahun 1998 subsidi adalah sebanyak RM499.6 juta dan RM228 juta pada tahun sebelum itu.

Malaysia terus menikmati harga petrol yang kedua paling rendah di rantau ini, selepas Indonesia, di mana seperti Malaysia, harga-harga disubsidi dan dikawal oleh kerajaan.

Di Malaysia, harga petrol dikawal pada RM1.10 sen seliter manakala harga terkawal di Indonesia ialah RM0.47 (1,000 rupiah) seliter.

Dalam perbandingan harga serantanya yang disiarkan dalam laman webnya hari ini, Malis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata harga petrol di Singapura adalah yang tertinggi di rantau ini, diikuti oleh Thailand, Filipina, Brunei, Malaysia dan Indonesia.

Menurut perbandingannya yang terbaru, petrol di Singapura berharga RM3.29 (S\$1.499) seliter, Thailand RM1.52 (16.79 baht), Filipina RM1.43 (16.49 peso) dan Brunei RM1.16 (B\$0.53).

Oleh yang demikian, sungguhpun harga meningkat, Malaysia masih menikmati harga-harga petroleum yang rendah.

Kemungkinan kenaikan harga-harga petrol pertama kali telah dibayangkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 8 Ogos lalu.

Ketika itu menteri tersebut telah memberitahu pemberita bahawa harga petrol akan dinaikkan tetapi kerajaan belum lagi memutuskan kadarnya.

Beberapa faktor perlu diambil kira sebelum membuat keputusan mengenai kadar kenaikan agar cadangan itu tidak akan membebankan para pengguna, katanya.

-- BERNAMA
MOT FR MA

